

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP/02.01/10.12/2 (40)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

7 Mac 2011

**Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6 TAHUN 2011 : BANTUAN
MENGURUS JENAZAH DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH**

Dengan hormat saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama ini di lampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 6 Tahun 2011 mengenai Bantuan Mengurus Jenazah Dan Bayaran Pengangkutan Jenazah untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang Menjalankan Tugas,



(SABAREHAN BINTI HJ. ISMAIL)

b.p. Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k:- YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 6 TAHUN 2011

BANTUAN MENGURUS JENAZAH DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2010 berkaitan Bantuan Mengurus Jenazah Dan Bayaran Pengangkutan Jenazah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

LATARBELAKANG

2. Selaras dengan keadaan semasa, pihak Kerajaan bersetuju supaya peraturan dan arahan yang berkaitan bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah bagi pegawai perkhidmatan awam yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan disemak dan ditambah baik.
3. **“Bantuan Mengurus Jenazah”** bermakna bantuan kewangan yang diberikan kepada waris pegawai atau pihak yang menguruskan jenazah pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan kematian pegawai tersebut.
4. **“Waris Pegawai”** bermakna;
 - (a) Isteri dan anak-anak bagi pegawai lelaki yang telah berkahwin;
 - (b) Suami dan anak-anak bagi pegawai perempuan yang telah berkahwin; atau
 - (c) Ibu bapa bagi pegawai bujang.
5. **“Bantuan Pengangkutan Jenazah”** bermakna bayaran untuk membawa jenazah dari tempat kematian ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat.

KELAYAKAN, KADAR DAN PERATURAN PEMBAYARAN

6. Kelayakan, kadar dan peraturan pembayaran adalah sebagaimana lampiran pada pekeliling ini.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **15 Oktober 2010**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 4 Mac 2011

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP6_2011



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.6 TAHUN 2011

**BANTUAN MENGURUS JENAZAH
DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH**

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

KELAYAKAN, KADAR DAN PERATURAN PEMBAYARAN

KELAYAKAN

1. Bantuan Mengurus Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, sama ada di dalam atau di luar tugas rasmi adalah layak diberi kepada pegawai-pegawai berikut;
 - (a) Pegawai lantikan tetap;
 - (b) Pegawai kontrak (*contract of service*);
 - (c) Pegawai sementara; dan
 - (d) Pegawai sambilan.

KADAR BANTUAN

2. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2010, kadar bantuan kepada waris pegawai adalah seperti berikut;
 - (a) Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah sebanyak **RM3000.00**; dan
 - (b) Bayaran pengangkutan jenazah mengikut **kadar perbelanjaan sebenar** yang **munasabah** dan disokong dengan **resit**.

PERATURAN PEMBAYARAN MENGURUS JENAZAH

3. Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pengesahan kematian pegawai dengan segera dengan menggunakan format sebagaimana **Lampiran A**.
4. Bantuan Mengurus Jenazah hendaklah **dibayar secara tunai atau cek atau bayaran pindahan secara elektronik (EFT) atau mana-mana gabungan yang sesuai kepada waris terdekat pegawai yang meninggal dunia** mengikut keutamaan seperti berikut;
 - (i) Bagi pegawai yang sudah berkahwin adalah isteri atau suami pegawai yang meninggal dunia. Jika pegawai mempunyai isteri lebih daripada

seorang, bayaran akan diberikan kepada isteri yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau

- (ii) Bagi pegawai yang duda / janda adalah anak pegawai yang berumur 18 tahun ke atas; atau
- (iii) Bagi pegawai bujang adalah ibu atau bapa pegawai.

PERATURAN PEMBAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH

- 5. Bayaran Pengangkutan Jenazah hendaklah dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit.
- 6. Tuntutan hendaklah dikemukakan oleh waris atau pihak yang telah menerima Bantuan Mengurus Jenazah seperti perenggan 4(i), (ii) dan (iii); dan
- 7. Sekiranya kemudahan pengangkutan jenazah **disediakan oleh jabatan atau ditanggung oleh pihak lain**, Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi perjalanan tersebut **tidak boleh dituntut**.
- 8. Peraturan mengenai pengangkutan jenazah pegawai yang meninggal dunia di luar negeri adalah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bil.13 Tahun 1982 dan pindaannya.
- 9. Pegawai yang bertukar Wilayah atau berkhidmat di luar negeri juga layak menerima kemudahan tambang bagi ahli keluarga seperti yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2003 dan pindaannya serta Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1994 dan pindaan.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

- 10. Sekiranya berlaku kematian mana-mana pegawai dalam perkhidmatan, **Ketua Jabatan** hendaklah **dengan segera** memaklumkan kepada Jabatan Pendaftar (Unit Perkhidmatan & Saraan) dan mendapatkan maklumat waris terdekat pegawai sebagaimana perenggan 4 (i), (ii) atau (iii) di atas.
- 11. Maklumat waris yang dikehendaki adalah nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon.

PROSEDUR

12. Setelah mendapatkan pengesahan kematian pegawai, Jabatan Pendaftar (Unit Perkhidmatan & Saraan) hendaklah segera mengemukakan **Lampiran A** kepada Jabatan Bendahari untuk membuat pembayaran.
13. Jabatan Bendahari hendaklah membuat pembayaran segera samada secara tunai atau EFT berdasarkan peraturan diperenggan 4, kepada waris terdekat pegawai yang meninggal dunia.

TARIKH KUATKUASA

14. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa **mulai 15 Oktober 2010**.

Unit Perkhidmatan & Saraan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

Tarikh : **4** Mac 2011

PENGESAHAN KETUA JABATAN

1. Saya mengesahkan bahawa saya telah menerima laporan bahawa pegawai di pejabat saya bernama..... No. Kad Pengenalan
No. Gaji telah meninggal dunia pada iaitu semasa dalam Perkhidmatan Kerajaan.

2. Saya mengesahkan* bahawa:

i. pegawai ini mempunyai waris/ ahli keluarga terdekat yang boleh dibayar bantuan mengurus jenazah iaitu Encik/Puan/Cik

.....
Alamat.....

.....
No. Kad Pengenalan

Hubungannya dengan pegawai ialah

ii. pegawai tidak mempunyai waris/ ahli keluarga terdekat dan jenazah diuruskan oleh

.....
Alamat

.....
No. Kad Pengenalan Bayaran Mengurus Jenazah boleh dibayar kepada pihak berkenaan.

Tandatangan

Nama Pegawai :

Jawatan

Cop Pejabat

Tarikh

'Sila tandakan dalam kotak yang berkenaan.

**SURAT AKUAN PENERIMAAN BAYARAN TUNAI
BANTUAN MENGURUS JENAZAH**

1. Saya (No. Kad Pengenalan)
yang bertandatangan di bawah, beralamat di
.....
.....
dengan ini mengaku telah menerima wang tunai berjumlah RM (Ringgit
Malaysia) daripada Universiti Malaysia Pahang sebagai
bayaran Bantuan Mengurus Jenazah (No. Kad
Pengenalan) seorang staf yang bertugas di Jabatan
.....

Tandatangan

Sebagai pengesahan, tandatangan di atas telah disaksikan oleh:

Tandatangan :

Nama :

Alamat :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh